

25 MAR 2001

Mahathir-Toleransi

MAHATHIR, SAMY VELLU MENYERU BAGI TOLERANSI

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu menyeru rakyat beragama Islam dan bukan Islam untuk terus berkerjasama dalam menjamin dan memperkukuhkan perpaduan yang dijalin oleh pengasas-pengasas Malaysia.

Dr Mahathir dan Samy Vellu yang juga presiden MIC berkata demikian dalam perutusan masing-masing sempena Ma'al Hijrah bagi umat Islam dan tahun baru masyarakat Telugu 'Ugadi' esok.

Kedua-dua pemimpin itu juga menekankan mengenai perlunya persefahaman di kalangan pelbagai kaum di negara ini dan jangan terikut dengan khabar-khabar angin yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mencetuskan huru hara.

Kedua-dua pemimpin itu berkata demikian merujuk kepada pergaduhan kaum antara dua kumpulan penduduk di Taman Desaria dan kawasan sekitarnya di Jalan Klang Lama pada 8 Mac yang menyaksikan enam orang terbunuh dan lebih 40 orang cedera.

Dalam perutusannya sempena menyambut Ma'al Hijrah 1422 esok, Dr Mahathir berkata orang Islam tidak harus sengaja bermusuhan dengan orang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan mereka.

"Sebarang berita yang tidak berasas dengan tujuan menimbulkan kemarahan orang Islam kerana kononnya ramai orang Islam telah dibinasa dan dibunuh bukanlah caranya untuk melindungi orang Islam."

"Jika ada orang Islam yang diserang kerana perkelahian dengan bukan Islam, orang Islam tidak harus bertindak menganas terhadap kaum lain," dan menambah kata kes seperti itu perlu dilaporkan kepada polis.

Samy Vellu turut menghantar mesej yang lebih kurang sama kepada masyarakat India dengan berkata yang jika mereka percaya dengan khabar-khabar angin itu, ia hanya akan memusnahkan negara.

"Biarkan keamanan berterusan di Malaysia, biar kemakmuran berterusan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika orang Islam mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya, maka perkara yang kecil akan menjadi masalah yang besar dan sukar dikawal.

"Ramai yang tidak berdosa akan diserang atau dibunuh. Akhirnya tidak ada apa-apa yang diperolehi oleh mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata baru-baru ini, khabar angin telah tersebar dengan luasnya selepas perkelahian kecil berlaku kononnya ramai orang Islam telah dibunuh.

"Berita ini tidak benar sama sekali," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata seperti yang dijangka, orang yang tidak ada kena mengena dengan perkelahian asal telah diserang, dicerderakan dan dibunuh, kerap kali di tempat yang jauh daripada tempat tercetusnya pergaduhan.

Ada tanda-tanda penyebaran khabar angin dan serangan itu disengajakan oleh pihak tertentu yang ingin melihat rusuhan dan keganasan berlaku dalam negara.

"Semua ini memburukan agama Islam. Orang Islam sepatutnya tidak bertindak di luar batas undang-undang.

"Perbuatan yang sedemikian tidak menyumbang kepada kebaikan dan pembangunan agama Islam dan negara Islam. Ia bukanlah satu hijrah ke arah kebaikan."

Ia menunjukkan umat Islam mahu kembali kepada cara-cara jahiliah dengan

sesuatu kumpulan bertindak kerana fanatik kepada kaum mereka dengan tidak mengambil kira baik buruk apa yang dilakukan oleh kaum berkenaan," kata Dr Mahathir.

Samy Vellu pula menyeru orang ramai supaya tidak cemas dengan perkembangan di selatan Petaling Jaya dan meminta mereka memantau keadaan melalui kenyataan pihak berkuasa yang disiarkan dalam akhbar-akhbar.

Beliau mengulangi yang serangan terhadap orang awam sejak beberapa hari lepas adalah perbuatan jenayah terancang dan tidak bersifat perkauman.

"Polis akan bertindak terhadap mereka ini dan mereka yang menyebarkan khabar angin. Mereka akan dikenakan hukuman setimpal," katanya.

Menteri itu berharap Ugadi dan Ma'al Hijrah akan memperkukuhkan keamanan dan kemakmuran negara.

-- BERNAMA

ES ES PR